

NO. SOALAN: 146

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**
TARIKH : 10 JUN 2014
SOALAN :

YB Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan untuk menaik taraf Pusat Kesihatan Pekan Balingian dalam Rancangan Malaysia ke 11.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan Balingian terletak dalam Daerah Kecil Balingian yang memberi perkhidmatan kesihatan kepada 4,923 orang penduduk di kawasan operasi klinik. Purata kedatangan harian pesakit adalah antara 20 hingga 35 orang. Manakala, bagi pesakit yang memerlukan rawatan pesakit dalam pula akan dirujuk ke Hospital Mukah. Kementerian Kesihatan Malaysia berpendapat Pusat Kesihatan Pekan Balingian sedia ada masih dapat menampung keperluan penduduk setempat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 147

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menerbitkan satu Kertas Putih mengenai malapetaka kehilangan pesawat MH370.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.